

Puji usaha dapat kotak hitam

The Hague

Lembaga Keselamatan Belanda memuji pasukan dari Malaysia yang memberikan kerjasama mendapatkan kotak hitam pesawat MH17 dari lokasi ia terhempas di dalam kawasan bergolak di timur Ukraine pada 2014.

Penyiasat kanan penerbangan Gijsbert Vogelaar berkata, kotak hitam itu satu bukti yang amat penting kerana mengandungi maklumat untuk membantu pihak lembaga dalam siasatan untuk mengenal pasti punca pesawat itu terhempas.

“Wakil Malaysia melaksanakan satu tugas yang cemerlang dalam mendapatkan perakam (kotak hitam),” katanya kepada wakil media Malaysia di sini dalam satu perjumpaan khas menjelang perbicaraan MH17 yang dijadualkan bermula hari ini.

Vogelaar berkata, beberapa juruterbang dan anak kapal Malaysia Airlines dijemput untuk mendengar rakaman daripada kotak hitam itu bagi membantu siasatan.

“Kemudian kami dibantu oleh seorang lagi kapten Malaysia Airlines untuk mendengar perbualan rakaman itu kerana beliau sendiri mengenali juruterbang terabit.

“Ia amat sukar untuk mereka (juruterbang dan anak kapal Malaysia Airlines) untuk mendengar rakaman itu tetapi mereka melakukan tugas mereka dengan baik,” katanya.

Pasukan yang ditugaskan memasuki lokasi MH17 terhempas di Ukraine untuk mendapatkan kotak hitam



PANDA protes diletakkan di sebelah barisan kerusi kosong menandakan penumpang pesawat MH17 di hadapan bangunan kedutaan Rusia di The Hague, Belanda.



VOGELAAR

gunakan di dalam perbicaraan. Kami berada di sini bukannya untuk dipersalahkan atau sebagai liabiliti,” katanya.

Beliau juga berkata, perbicaraan itu tidak boleh mengembalikan mereka yang terkorban dalam nahas itu tetapi mengimbuai kembali perasaan mereka yang terasayang.

“Bagi saya ia adalah satu perasaan yang bercampur,” katanya.

Prosiding jenayah ke atas empat lelaki yang didakwa menembak jatuh pesawat itu akan bermula di Mahkamah Daerah The Hague di Kompleks Kehakiman Schiphol, Badhoevedorp.

Mereka yang bakal didakwa ialah tiga rakyat Rusia, Igor Girkin, Sergey Dubinsky dan Oleg Pulatov dan seorang warga Ukraine, Leonid Kharchenko.

Pesawat penerbangan MH17 dalam perjalanan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur sebelum ditembak jatuh ketika melalui kawasan bergolak di timur Ukraine. Nahas itu mengorbankan 298 orang termasuk 15 kru pesawat. - Bernama

itu diketuai Kolonel Mohd Sakri Hussin yang pada masa itu bertugas sebagai Penolong Setiausaha Bahagian Pengurusan Bencana Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Kotak hitam itu terdiri daripada dua kotak, satu perakam suara kokpit dan satu perakam data.

Perakam data penerbangan merakamkan aliran maklumat penerbangan sementara perakam suara kokpit merakamkan perbualan dan bunyi lain di dalam kokpit.

Sementara itu, seorang anggota lembaga itu, Marjolein van Asselt berkata, ha-

sil siasatan mereka tidak boleh digunakan sebagai bukti dalam perbicaraan MH17 dan ahli lembaga tidak boleh dipanggil sebagai saksi pakar dalam prosiding perbicaraan.

“Kami ketua siasatan dan tugas kami sudah selesai. Saya sekarang seorang rakyat biasa apabila perbicaraan bermula.

“Kami boleh mengikuti prosiding tetapi kami tidak boleh terlibat dalam perbicaraan. Kami telah menterjemahkan mandat kami ke tahap maksimum.

“Laporan kami dan hasil siasatan kami tidak boleh di-